



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI
KOD KURSUS : DSM 1043/DPP 1053
PEPERIKSAAN : MEI 2017
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Graf
 - iii. Kertas Jawapan Objektif
 - iv. Buku Jawapan


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.
Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** faktor pengeluaran?
 - A. Buruh
 - B. Tanah
 - C. Teknologi
 - D. Usahawan
2. Mengapakah masalah ekonomi wujud?
 - A. Wujud agihan pendapatan yang tidak setara dalam ekonomi
 - B. Terlalu banyak pilihan barang dan perkhidmatan dalam ekonomi
 - C. Wujud ketidakseimbangan antara golongan kaya dengan golongan miskin
 - D. Sumber ekonomi adalah terhad berbanding dengan kehendak manusia yang tidak terhad
3. Rajah 1 di bawah menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran epal dan oren yang berbentuk cembung ke titik asalan.




Rajah 1

Antara pernyataan berikut, yang manakah **BENAR** apabila titik pengeluaran bergerak dari titik A ke titik D?

- A. Harga relatif epal dan oren tidak berubah
- B. Semakin banyak oren dikeluarkan, semakin kurang epal dapat dihasilkan
- C. Semakin banyak epal dikeluarkan, semakin kurang oren dapat dihasilkan
- D. Permintaan terhadap epal berkurangan, manakala permintaan terhadap oren bertambah

4. Apakah cara penyelesaian masalah untuk apa dan berapa yang hendak dikeluarkan di dalam sistem ekonomi campuran?
- Sistem catuan
 - Mekanisme harga
 - Keputusan kerajaan
 - Mekanisme harga dan kerajaan
5. Antara berikut, yang manakah andaian yang ada di dalam Keluk Kemungkinan Pengeluaran?
- Tingkat harga adalah tetap
 - Tingkat teknologi tidak berubah
 - Faktor pengeluaran boleh ditambah
 - Wujud pengangguran sumber ekonomi
6. Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk permintaan barang X.



- Antara berikut, yang manakah **TIDAK** akan menyebabkan keluk permintaan beralih dari D_1 ke D_2 ?
- Pertambahan penduduk
 - Penurunan harga barang pengganti
 - Jangkaan harga naik pada masa hadapan
 - Penurunan cukai pendapatan persendirian
7. Apakah faktor yang menyebabkan perubahan di dalam kuantiti diminta?
- Pengaruh musim
 - Peningkatan pendapatan
 - Perubahan cita rasa pengguna
 - Perubahan harga barang itu sendiri


8. Jadual 1 yang berikut menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
3	160	120
4	150	130
5	140	140
6	130	150
7	120	160
8	110	170

Jadual 1

- Apakah yang akan berlaku apabila kerajaan menetapkan harga RM 7 sebagai harga minimum?
- Lebih permintaan sebanyak 40 unit
 - Lebih penawaran sebanyak 40 unit
 - Lebih permintaan dan harga akan naik
 - Lebih penawaran dan harga akan naik
9. Apakah faktor yang menyebabkan keluk penawaran beralih ke kiri?
- Kenaikan harga input
 - Pertambahan pendapatan
 - Pertambahan bilangan pengeluar
 - Peningkatan teknologi pengeluaran
10. Keluk penawaran sesuatu barang menunjukkan
- kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual mengikut kemahuan pengguna
 - kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual mengikut undang-undang yang telah ditetapkan
 - kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual apabila kos pengeluaran meningkat
 - kuantiti barang yang sanggup ditawarkan oleh penjual pada pelbagai tingkat harga

Soalan 11 hingga soalan 13 berdasarkan gambarajah di bawah.



Rajah 3


Rajah 3 menunjukkan D_0 dan S_0 masing-masing ialah keluk permintaan dan keluk penawaran. Keluk S_0 beralih ke S_1 apabila kerajaan mengenakan cukai.

11. Berapakah cukai per unit yang dikenakan oleh kerajaan terhadap barang itu?
 - A. RM 2
 - B. RM 5
 - C. RM 7
 - D. RM 12

12. Berapakah beban cukai yang ditanggung oleh pengeluar?
 - A. RM 40
 - B. RM 100
 - C. RM 140
 - D. RM 240

13. Berapakah beban cukai yang ditanggung oleh pengguna
 - A. RM 40
 - B. RM 50
 - C. RM 140
 - D. RM 240

14. Rajah 4 yang berikut menunjukkan P,Q,R,S ialah keluk penawaran yang mempunyai nilai keanjalan yang berbeza.



Rajah 4

- Keluk penawaran manakah yang mempunyai nilai keanjalan penawaran sama dengan satu?
- P
 - Q
 - R
 - S
15. Sekiranya keanjalan permintaan harga adalah anjal, perubahan harga menurun sebanyak 30% akan menyebabkan kuantiti diminta
- berubah lebih 30%
 - berkurang lebih 30%
 - meningkat lebih 30%
 - berubah sebanyak 30%
16. $KNK_{hp} + X = KNK_{kf}$
Berdasarkan rumus di atas, X ialah
- Penerimaan bersih asing
 - Susut nilai dan cukai tak langsung
 - Subsidi dan penerimaan bersih asing
 - Tolak cukai tak langsung campur subsidi

17. Jadual 2 di bawah menunjukkan data pendapatan negara sebuah negara pada suatu tahun tertentu.

Butir	RM (Juta)
Keluaran Negara Kasar (KNK_{hp})	500
Susut nilai	50
Cukai tak langsung	90
Subsidi	20
Eksport	60
Import	50

Jadual 2

Berapakah nilai Keluaran Negara Bersih pada kos faktor?

- A. RM 380 juta
 - B. RM 390 juta
 - C. RM 400 juta
 - D. RM 410 juta
18. Nilai wang merujuk kepada
- A. nilai cagaran emas untuk mencetak wang kertas
 - B. jumlah nilai wang yang diedarkan di dalam ekonomi
 - C. jumlah barang dan perkhidmatan yang dapat dibeli dengan sejumlah mata wang
 - D. harga mata wang sesebuah negara disebut dalam harga mata wang negara yang lain
19. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** merupakan fungsi wang?
- A. Sumber kredit
 - B. Penyimpan nilai
 - C. Bayaran tertunda
 - D. Mengukur nilai barang
20. Berikut adalah faktor-faktor kewujudan perdagangan antarabangsa **KECUALI**
- A. Iklim yang berbeza
 - B. Sumber semula jadi
 - C. Tanah yang berbeza
 - D. Pengetahuan yang sempurna

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jadual 3 di bawah menunjukkan Harga Barang A dan kuantiti permintaan Barang A, Barang B dan Barang C.

Harga Barang A (RM/kg)	Kuantiti permintaan		
	Barang A (kg)	Barang B (kg)	Barang C (kg)
3.00	870	400	95
4.30	660	380	95
5.80	480	310	95
6.70	350	250	95
8.90	250	110	95
10.30	200	60	95


Jadual 3

Berdasarkan jadual di atas:

- Kirakan keanjalan permintaan harga untuk Barang A apabila Barang A meningkat dari RM3.00 ke RM5.80. (2 markah)
- Kirakan keanjalan permintaan silang antara Barang A dan Barang B apabila harga Barang A jatuh dari RM8.90 ke RM4.30. (2 markah)
- Berdasarkan jawapan di (b), apakah jenis hubungan antara Barang A dan Barang B? Kenapa? (2 markah)
- Kirakan keanjalan permintaan silang antara Barang A dan Barang C apabila harga Barang A jatuh dari RM5.80 ke RM3.00. (2 markah)
- Berdasarkan jawapan di (d), apakah hubungan antara Barang A dan Barang C. (1 markah)
- Terbitkan formula keanjalan permintaan pendapatan. (1 markah)

SOALAN 2

Rajah 5 di bawah menunjukkan D_0 dan S_0 masing-masing ialah keluk permintaan dan keluk penawaran. Keluk S_0 beralih ke S_1 apabila kerajaan mengenakan cukai.



Rajah 5

Berdasarkan gambarajah di atas:

- Berapakah nilai harga dan kuantiti yang dibayar oleh pengguna sebelum cukai dikenakan?
(2 markah)
- Selepas cukai jualan dikenakan, berapakah nilai harga dan kuantiti yang perlu di bayar oleh pengguna?
(2 markah)
- Berapakah jumlah cukai yang dikenakan oleh kerajaan?
(1 markah)
- Hitungkan jumlah beban yang ditanggung oleh pengguna dan pengeluar?
(4 markah)
- Kirakan jumlah hasil yang dipungut oleh kerajaan.
(1 markah)

SOALAN 3

Jadual 4 di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sesebuah negara.

Butiran	RM juta
Perbelanjaan penggunaan isi rumah	12 500
Pembentukan modal tetap kasar	2500
Eksport	2000
Import	3000
Perbelanjaan kerajaan	2500
Pendapatan faktor bersih dari luar negara	-500
Perubahan inventori	-250
Subsidi	600
KWSP	2000
Cukai tak langsung	1500
PERKESO	1500
Susut nilai	800
EPF	2500
Cukai pendapatan persendirian	4500
Bayaran pindahan	3000

Jadual 4

Berdasarkan jadual di atas, hitungkan;

- Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ($KDNK_{hp}$) (2 markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor (KNK_{kf}) (2 markah)
- Keluaran Negara Bersih (2 markah)
- Pendapatan persendirian (2 markah)
- Pendapatan boleh guna (2 markah)

SOALAN 4

Data kewangan Negara KLM adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

Butiran	RM (Juta)
Wang kertas	251
Deposit tetap dan simpanandi bank perdagangan	311
Sijil-sijil Bank Negara Malaysia	45
Sijil deposit bolehniaga	845
Deposit tetap dan simpanan di bank saudagar	211
Deposit tetap di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	72
Deposit semasa	88

Jadual 5

a. Jika wang fiat ialah RM 322 berapakah nilai wang syiling?

(2 markah)

b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

c. Kirakan "wang hampir" (wang kuasi).

(2 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan ekonomi?
(2 markah)
- b. Berapakah bentuk sistem ekonomi yang wujud di dalam ekonomi? Nyatakan.
(4 markah)
- c. Dengan bantuan gambarajah, terangkan konsep kekurangan, kos lepas dan pilihan.
(8 markah)
- d. Terangkan tiga persoalan asas bagi menyelesaikan masalah asas ekonomi.
(6 markah)

SOALAN 2

- a. Berpandukan gambarajah, bezakan antara permintaan dan penawaran.
(4 markah)
- b. Dengan bantuan gambarajah, huraikan bagaimana perubahan berikut mempengaruhi keluk permintaan Biskut.
(6 markah)
 - i. Kenaikan harga biskut.
 - ii. Penurunan harga kek.
- c. Bezakan antara keluk permintaan anjal dan tidak anjal.
(4 markah)
- d. Berpandukan rajah, terangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan untuk beralih ke kiri dan ke kanan.
(6 markah)

SOALAN 3

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan pasaran?
(2 markah)
- b. Huraikan **TIGA (3)** kegunaan data pendapatan negara.
(6 markah)
- c. Apakah maksud dasar kewangan mengembang dan dasar kewangan menguncup.
(4 markah)
- d. Jelaskan berkenaan dengan harga minimum dan harga maksimum yang dilaksanakan oleh kerajaan.
(6 markah)

SOALAN 4

- a. Berikan **DUA (2)** ciri-ciri wang dan **DUA (2)** fungsi-fungsi wang.
(4 markah)
- b. Jelaskan fungsi-fungsi bank pusat Malaysia.
(6 markah)
- c. Apakah faktor-faktor kewujudan perdagangan antarabangsa?
(4 markah)
- d. Huraikan jenis-jenis halangan perdagangan yang wujud di dalam perdagangan antarabangsa.
(6 markah)

[40 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**